

27/03/2002

Sabah tuan rumah Hari Guru 2002

Syuhada Choo Abdullah

NEGERI Di Bawah Bayu, Sabah, diberi penghormatan apabila dipilih menjadi tuan rumah pelancaran sambutan Perayaan Hari Guru Peringkat Kebangsaan 2002, 16 Mei ini.

Tahun ini, 'Guru Berkualiti Aspirasi Negara' dipilih sebagai tema perayaan istimewa itu, yang menjadi simbol pengiktirafan dan penghargaan bagi warga pendidik di seluruh negara.

Yang Dipertua Gabungan Majlis Guru Besar Malaysia dan juga ahli jawatankuasa sambutan Hari Guru peringkat kebangsaan itu, Sanip Suradi, berkata Perdana Menteri, Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad, dijangka merasmikan majlis pelancaran berkenaan yang dijangka berlangsung dengan pelbagai acara.

Sehubungan itu, beliau berkata, Jabatan Pendidikan Negeri Sabah kini sudah mula membuat persiapan dan menyusun pelbagai program bagi meraikan kunjungan ribuan tetamu ke majlis itu khususnya warga pendidikan serta pemimpin kerajaan, termasuk Perdana Menteri.

Selain itu, katanya, beberapa aktiviti khusus sempena sambutan perayaan Hari Guru Peringkat Kebangsaan 2002 sudah pun bermula, termasuk aneka pertandingan seperti bahas di samping proses pemilihan pemenang anugerah yang disediakan.

Antara anugerah tahunan yang biasa disampaikan dalam majlis pelancaran Hari Guru peringkat kebangsaan ialah Sekolah Harapan Negara, Guru Inovatif, Guru Cemerlang Pendidikan Khas dan anugerah penghargaan tertinggi Tokoh Guru Kebangsaan.

Anugerah Tokoh Guru Kebangsaan adalah penghargaan dan pengiktirafan kerajaan, khususnya Kementerian Pendidikan, terhadap kewibawaan pendidik berdasarkan kriteria tertentu.

Secara umum, kriteria berkenaan mencakupi perkhidmatan cemerlang di bilik darjah, sumbangan cemerlang kepada profesion keguruan dan pendidikan, pembabitan aktif dalam kegiatan luar bilik darjah dan khidmat masyarakat, dan kecemerlangan dalam bidang lain.

Sejak 1999, Anugerah Tokoh Guru Kebangsaan disampaikan kepada lima calon semula seperti ketika penghormatan itu diperkenalkan pada 1975.

Sebelum itu, bilangan penerima calon berkenaan dikurangkan sehingga tiga calon pada 1979 dan tahun seterusnya (ada beberapa tahun di mana empat calon disenaraikan sebagai penerima anugerah itu).

Bagaimanapun, rekod paling ramai penerima Anugerah Tokoh Guru Kebangsaan setakat ini adalah pada 1977, iaitu tujuh orang.

"Hari Guru adalah perayaan yang amat bermakna bukan saja kepada warga pendidik, malahan kepada masyarakat keseluruhannya. Peranan serta pengorbanan guru dalam membantu menjana generasi cemerlang negara sememangnya amat penting.

"Sambutan perayaan tahunan ini secara langsung membuktikan pengiktirafan dan penghargaan terhadap bakti serta jasa yang tidak jemu dicurahkan oleh guru selama ini.

"Bertepatan dengan tema Hari Guru tahun ini, tidak dapat dinafikan, guru yang berkualiti memang menjadi aspirasi negara untuk terus mencapai kemajuan dan membangun dengan cemerlang," kata Sanip kepada Berita Harian.

Gabungan Majlis Guru Besar Malaysia akan turut mengadakan Mesyuarat Profesional Guru Besar Malaysia Kali Ke-2 2002, di Kota Kinabalu, Sabah, pada 14 dan 15 Mei ini.

Katanya, semua exco seramai 37 orang membabitkan wakil Gabungan Majlis

Guru Besar Malaysia dari setiap negeri dijadualkan menghadiri mesyuarat itu sebelum turut memeriahkan majlis pelancaran Hari Guru peringkat kebangsaan di negeri berkenaan.

"Mesyuarat Profesional Guru Besar Malaysia diadakan empat kali setahun. Bagi tahun ini, mesyuarat pertama berlangsung di Ipoh, Februari lalu.

"Tahun ini, mesyuarat ini akan memberi fokus kepada perkembangan perihal guru besar, termasuk dari segi pelaksanaan aktiviti, menilai sebarang kekurangan di samping mempertingkatkan lagi profesionalisme guru besar," katanya.

(END)